

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN
DALAM MASYARAKAT YANG MENGAMALKAN
ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN : TUMPUAN
KAJIAN DI KAMPUNG BELANGKAN,
KUALA SAWAH, RANTAU

OLEH : SITY ROHANE DEWA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1977 / 78

Kepada yang tersayang,

ayah dan ibu yang sentiasa

mengharapkan kejayaan ku

dan

suami yang sentiasa

memberi galakan.

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Kandungan -----	i - iii
Penghargaan -----	iv

BAB 1 : LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

1.1 Pengenalan	
a. Tujuan dan Bidang Kajian -----	1
b. Method Kajian -----	2
1.2 Latar Belakang Tempat Kajian -----	3 - 5
a. Pentadbiran -----	5 - 7
b. Ekonomi dan Sosial -----	7 - 9
c. Adat Istiadat -----	10 - 12
d. Ugama -----	12 - 13

BAB 2 : PERKAHWINAN SEPINTAS LAU

2.1 Pengertian Perkahwinan -----	14 - 16
2.2 Bentuk Perkahwinan dalam masyarakat	
Adat Perpatih -----	16 - 19
2.3 Orang yang tidak boleh Kahwin -----	19 - 22
2.4 Corak Penjodohan -----	23 - 27

BAB 3 : ADAT ISTIADAT PEMINANGAN

3.1 Jenis-Jenis Perkahwinan	
a. Aturan Tak Lamin	

i. Menyerah -----	28 - 29
ii. Merumah -----	29 - 31
iii. Sesalahan -----	31 - 32
b. Aturan biasa	
3.2 Merisik atau Risik-Ardai -----	32 - 40
3.3 Pinangan atau Hantar Tanda -----	40 - 46
3.4 Pembatalan Peminangan -----	46 - 48

BAB 4 : UPACARA*UPACARA ATAU ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

4.1 Hari Kayu Berakar -----	49 - 55
4.2 Istiadat Berendam -----	55 - 58
4.3 Istiadat Berinai	
a. Malam Berinai Kecil -----	58
b. Malam Berinai Besar -----	58 - 60
i. Istiadat Mengisi Adat -----	60 - 62
ii. Istiadat Akad Nikah -----	62 - 67
iii. Perarakkan -----	67 - 68
iv. Persandingan -----	68 - 70
4.4 Hari Lansung -----	70 - 74
a. Istiadat Perarakkan di Hari Lansung -----	74
b. Istiadat Persandingan di Hari Lansung -----	74 - 75
i. Istiadat Suap-Suap -----	75 - 76
ii. Istiadat Padam Lilin -----	76 - 77
iii. Istiadat Pangkasan -----	77 - 78

iv. Istiadat Menyembah	78
v. Istiadat Makan Damai	79 - 80
4.5 Hari Bertandang atau Menyalang	80 - 82
4.6 Istiadat Tempuh Jejak atau Menikam	
Jejak	82 - 84
4.7 Penutup	84 - 90
BIBLIOGRAFI	91 - 92
LAMPIRAN i : Peta Mukim Rantau	93
LAMPIRAN ii : Surat Nikah/Kahwin	94
LAMPIRAN iii : Surat Izin Perempuan kepada Walinya	95
LAMPIRAN iv : Surat Taklik	96
LAMPIRAN v : Gambar-Gambar	97 - 106

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang perseorangan yang telah bermurah hati turut menyumbangkan berbagai rupa pertolongan dalam masa saya melakukan kajian ini.

Ucapan terimakasih yang tak terhingga, saya tujukan kepada Encik Ismail Hamid yang sudi menjadi penyelia latihan ilmiah ini. Binbingan dan teguran beliau kepada saya untuk menjayakan latihan ilmiah saya ini, sangat saya bargei.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Encik Abdullah Munchak kerana sudi memberi bahan-bahan kajian ini, dan menolong saya mendapatkan bahan-bahan kajian ini di tempat kajian. Juga kepada penduduk-penduduk di Kampung Belangkan (tempat kajian) yang telah membenarkan saya menghadiri majlis perkahwinan di sana. Layanan dan sumbangan mereka itu tidaklah dapat saya membalasnya melainkan Tuhan sahaja yang akan membalasnya.

Tidak ketinggalan juga saya berterimakasih kepada suami saya, Mohd. Sharif Abd. Latiff yang bersusah payah menemani saya bila membuat kajian ini dan yang telah banyak berkorban terutamanya dari segi material. Juga ibu bapa saya yang sentiasa memberi galakkan untuk terus menyempurnakan latihan ilmiah ini, terimakasih juga saya ucapkan.

Kompleksiswa A, Kampus Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Sity Rohane Dewa

March, 1978.

BAB II

PERKAHWINAN SEPINTAS LALU

2.1 Pengertian perkahwinan.

Perkahwinan ialah satu lembaga. Lembaga atau institusi itu mengikut Mac Iver ialah cara-cara perjalanan yang telah dibentuk atau terbentuk oleh satu-satu kumpulan dan mempunyai ahli-ahli yang menentukan perkembangan lembaga itu.¹ Cara-cara inilah yang mengawal ahli-ahli masyarakat dalam menjalankan satu-satu pekerjaan. Untuk mendapatkan kesempurnaan dalam satu-satu pekerjaan itu mereka haruslah mengikuti cara-cara itu dengan tidak melanggar had-had yang telah ditentukannya. Maka perkahwinan seseorang itu tidak dianggap sempurna jika seseorang itu tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh lembaga perkahwinan itu. Oleh itu, ahli-ahli masyarakat mesti mematuhi aturan-aturan tertentu supaya dapat pengiktirafan dari ahli-ahli masyarakat. Dengan itu, barulah ujud pengenalan yang sah di antara lelaki dan perempuan itu.

Perkahwinan mempunyai berbagai-bagai pengertian yang dikemukakan oleh ahli-ahli Sosiologi atau ahli-ahli pengkaji masyarakat. Antaranya ialah Ralph Lington yang mengatakan:-

"Marriage is a socially recognized union between persons of opposite sex. Marriage and the family are really distinct institutions and must be considered separately."²

¹ Shamsiah Abd. Rahim, Bahasa Perbilangan Dalam Istiadat Perkahwinan, Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Satu Contoh, Tesis UKM, 1974/75, hal. 6.

² Ibid.

Perkahwinan yang dijelaskan di sini ialah perhubungan antara lelaki dengan perempuan yang diiktirafkan oleh masyarakat. Tujuan perkahwinan ialah menyempurnakan kehendak sex, lebih penting lagi ialah untuk melahirkan anak supaya berterusan jenerasi dari satu keturunan kepada satu keturunan. Tegasnya perkahwinan itu dibentuk oleh fungsi biologi dan fungsi sosial.

Pengertian perkahwinan yang lebih luas adalah mengikut pendapat R. Wirjono Prodjodikoro iaitu "kalau seorang perempuan dan seorang lelaki berkata sepakat untuk melakukan perkahwinan satu sama lain, ini bererti mereka saling berjanji akan taat pada peraturan-peraturan hukum yang berlaku mengenai hak-hak dan kewajiban masing-masing pihak selama dan sesudah hidup bersama itu berlangsung dan mengenai kedudukan dalam masyarakat dari anak-anak keturunannya. Untuk membolehkan mereka hidup bersama dalam masyarakat mereka mestilah melalui syarat-syarat yang ditetapkan oleh masyarakat seperti syarat-syarat untuk peresmian, pelaksanaan, kelanjutan dan terhentinya hidup bersama itu. Dalam syarat-syarat dan peraturan itu terjalinnya pengertian perkahwinan itu." ³

Perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih lebih dititik beratkan menyambung pertalian keluarga antara kedua pihak untuk kesinambungan waris dan seterusnya kekayaan dan kebahagiaan suku. ⁴

Tiap adat mengatur ahli-ahli masyarakatnya supaya hidup

³Sia Wee Teng, Adat Istiadat Perkahwinan Orang-Orang Melayu Kelantan, Tesis UKM, 1976/77, hal. 13.

⁴Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), Hal. 138.

sempurna termasuk Adat Perpatih. Pada masyarakat Adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia, seperti kata perbilangan adat "Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah." Justru itu Adat Perpatih menentukan bila dan dengan siapa boleh berkahwin, dengan siapa tidak boleh berkahwin, bentuk perkahwinan, upacara-upacara perkahwinan, maskahwin, garis-garis kekerabatan dan lain-lain yang berkaitan dengan perkahwinan. Ini disebabkan tujuan adat ialah kebaikan, seperti kata perbilangan adat, "Adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk." Dan menjaga ketenteraman dalam masyarakat - "Adat sentosa di dalam negeri." ⁵

2.2 Bentuk perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih.

Perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih adalah dilihat sebagai hubungan antara dua suku ⁶ (clan) atau perut (sub-clan).

Dengan lain perkataan perkahwinan di luar suku sendiri atau disebut

⁵ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bernad, 1976), hal. 3.

⁶ Suku bukanlah mengandungi anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas tetapi hanya satu perkelompokan anggota-anggota masyarakat. Keanggotaannya ialah hubungan kekeluargaan antara perut-perut yang ada dalam suku itu. Namun demikian, mengikut Adat Perpatih anggota-anggota suku itu percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama, cuma terlalu jauh untuk disusun galur.

Dalam Adat Perpatih terdiri dari 12 suku:-

- | | |
|--|------------------------|
| i. Suku Biduanda (suku puak tempatan). | vii. Suku Tiga Batu. |
| ii. Suku Batu Hampar. | viii. Suku Tiga Nenek. |
| iii. Suku Sri Melenggang. | ix. Suku Paya Kumbuh. |
| iv. Suku Tanah Datar. | x. Suku Anak Melaka. |
| v. Suku Sri Lemak. | xi. Suku Anak Acheh. |
| vi. Suku Mungkal. | xii. Suku Batu Belang. |

Sila lihat Mansor Hj. Jamaluddin "Konsep Harta Di Dalam Sistem Adat Perpatih", Kertaskerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 3.

sebagai eksogami. Adat Perpatih menegah perkahwinan di antara anggota-anggota dalam satu suku. Perkahwinan sesama suku bererti mencatikan pasangan yang disifatkan oleh adat sebagai adik-beradik sedarah sedaging. Ini ada hubungan dengan prinsip eksogami itu sendiri. Dalam kepercayaan ahli-ahli masyarakat Adat Perpatih, prinsip eksogami adalah dilahirkan oleh persumpahan antara nenek moyang berbagai suku itu supaya berkahwin ke luar dari suku sendiri kerana anggota-anggota sesama suku adalah satu keturunan.⁷ Juga larangan ini untuk mengelakkan kerugian yang akan dialami oleh ibu bapa pasangan itu iaitu lucah hak menikmati keistimewaan mengikut adat, mewarisi sesuatu pusaka harta benda dan gelaran dalam adat.⁸

Adat Perpatih menyuruh anggota-anggotanya mengamalkan perkahwinan di luar suku kerana ada fungsi-fungsinya yang tertentu. Pertama: eksogami mengekalkan dan melanjutkan hubungan dalam suku sebagai hubungan persaudaraan, tidak lebih daripada itu. Maksud hubungan persaudaraan ialah pandangan kaum lelaki terhadap kaum perempuan di dalam sukunya hanya dianggap sebagai emak, kakak, adik dan anak untuk dilindungi, disayangi dan dihormati, tetapi tidak pernah dilihat dari segi hawa nafsu. Anggapan demikianlah yang dapat menjamin pengekalan dan perlanjutan hubungan dalam suku sebagai hubungan persaudaraan.

Kedua: eksogami mengeratkan perhubungan antara suku. Di dalam masyarakat Adat Perpatih, selepas perkahwinan si suami tinggal

⁷ Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara (Kuala Lumpur: Tesis UM, 1969), hal. 189.

⁸ Hj. Abas Hj. Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat", Kertaskerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 10.

di tempat isteri. Tegasnya masyarakat Adat Perpatih mengamalkan corak petempatan 'matrilocal'. Selalunya tempat kediaman mereka di tanah pusaka. Selain menjadi anggota sukunya yang dikenali dalam adat sebagai 'orang tempat semenda'. Suami juga menjadi anggota suku isterinya, dalam adat dia dikenali sebagai 'orang semenda'. Hubungan perkahwinan antara suami isteri itu dinamakan sebagai 'semenda-menyemenda'. Oleh kerana orang semenda dalam suatu suku itu datang dari beberapa suku atau tiap-tiap kelompok dalam suku terutama kelompok rumah tangga akan terdapat anggota-anggota dari suku lain. Ini bererti dengan sendirinya wujud hubungan antara suku.

Jadi eksogami menghubungkan anggota-anggota masyarakat Adat Perpatih dalam satu jalinan sosial yang lebih menyeluruh. Sebagai contoh; dalam satu upacara kenduri beberapa persediaan harus dibuat seperti mengangkat air bagi kampung-kampung yang belum ada bekalan air, mendirikan khemah, menjemput mualim seperti tok imam dan bilal serta orang-orang kampung dan sebagainya. Selain orang-orang kampung yang menolong membuat persediaan-persediaan itu turut juga orang semenda. Tetapi orang semenda ini juga merupakan orang tempat semenda di dalam sukunya sendiri dan mempunyai anak buah masing-masing. Sebagai tanda hormat anak buah kepadanya, mereka akan datang dan menolong, pertolongan ini bukan ditujukan kepada tuan rumah tetapi menolong bapa saudaranya yang menyemenda di situ. Pendikata sistem semenda-menyemenda itu turut menolong menyempurnakan perasaan 'kekitaan' dalam kerjasama dalam Adat Perpatih.

Ketiga: Eksogami dapat mengawal kelakuan yang sumbang.

Pengertian sumbang mengikut Notes dan Queries, "sexual intercourse

between individuals related in a certain prohibited degrees of kinship." Apa yang ditegaskan ialah perhubungan jantina yang dilarang antara sebahagian golongan kerabat terutama kerabat-kerabat yang dikira terlalu rapat seperti di dalam family nuklear.⁹ Contoh eksogami dapat mengawal kelakuan yang sumbang itu, umpamanya pemuda-pemuda dalam sesuatu suku itu akan teragak-agak hendak mengusik atau mengacau gadis-gadis dari suku lain. Mungkin mereka menikrkan gadis itu adalah saudara-mara salah seorang orang semenda dalam sukunya.¹⁰

Walaupun bentuk perkahwinan eksogami mempunyai kepentingan-kepentingan pada masyarakat Adat Perpatih. Apa yang terjadi pada masa kini, keadaan ini telah terdapat kelonggaran kerana setengah-tengah anggota masyarakat Adat Perpatih tidak lagi patuh mengamalkan prinsip kahwin di luar suku. Perkahwinan lebih diberatkan kepada perpesuaian kedua belah pihak keluarga.

2.3 Orang yang tidak boleh dikahwini (perbatasan jodoh).

Setiap perkahwinan itu mestilah tertaklok kepada hukum agama dan hukum adat. Di dalam hukum-hukum ini terdapat batasan atau penentuan orang-orang yang tidak boleh dikahwini untuk selamanya dan orang-orang yang perkahwinannya dilarang untuk sementara sahaja.

Batasan perkahwinan di dalam Adat Perpatih:-

- i. Berkahwin sesama suku atau dalam satu suku yang sama. Keduanya dihukum cacat. Hilang hak mewarisi pusaka adat dan harta

⁹Zainal Kling, op. cit., hal. 191.

¹⁰Nordin Selat, op. cit., hal. 32 - 33.

turun-temurun.

- ii. Berkahwin semula dengan perempuan lain dalam suku isterinya yang telah diceraikan, jarang-jarang diterima.
- iii. Berkahwin dua dalam satu suku adalah ditolak sama sekali.¹¹

Bagi agama Islam telah menentukan:-

- (a) Orang-orang yang diharamkan untuk dikahwini selama-lamanya.

Islam telah melarang perkahwinan antara beberapa kategori kerabat-kerabat perempuan yang dikatakan sebagai muhrim dan beberapa orang kerabat lelaki dari pihak bapa tergolong sebagai wali.

Kerabat-kerabat perempuan yang muhrim ialah kerabat-kerabat yang haram dikahwini. Kerabat-kerabat itu terbahagi kepada tiga golongan terbesar:-

1. sebab keturunan.
2. sebab perkahwinan.
3. sebab menyusui.

1. Dari sebab keturunan.

- i. Turunan langsung dari ibu kepada ibunya ke atas ibu kepada bapa dan seterusnya ke atas.
- ii. Anak dan cucu seterusnya ke bawah.
- iii. Saudara perempuan sekandung dan tiri (seibu atau sebapa sahaja).
- iv. Adik beradik perempuan kepada bapa.
- v. Adik beradik perempuan kepada ibu.

¹¹ Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 28.

- vi. Anak perempuan kepada adik beradik lelaki dan seterusnya ke bawah.
- vii. Anak perempuan kepada adik beradik perempuan seterusnya ke bawah.

2. Dari sebab perkahwinan.

- i. Anak mertua (ibu kepada isteri).
- ii. Anak tiri (apabila telah dikahwini ibunya).
- iii. Menantu (isteri kepada anak).
- iv. Isteri bapa.

3. Dari sebab susuan.

- i. Ibu tempat susuan.
- ii. Adik beradik perempuan sepersusuan.
- iii. Perempuan yang sepersusuan dengannya (yang sama-sama disusukan dari seorang perempuan) walaupun tidak ada hubungan darah atau perkahwinan.
- iv. Mengawini dua orang perempuan yang adik beradik pada satu masa.

Colongan lelaki yang dikatakan wali pula adalah kerabat-kerabat patrilineal dan patrilateral menurut tingkat-tingkat hubungan kekerabatan itu.

- i. Bapa.
- ii. Datuk (bapa kepada bapa).
- iii. Adik beradik lelaki sekandung (seibu bapa).
- iv. Adik beradik lelaki tiri (sebapa sahaja).
- v. Anak lelaki kepada adik beradik lelaki sekandung.
- vi. Anak lelaki kepada adik beradik lelaki tiri (sebapa).

- vii. Adik beradik lelaki kepada bapa (bapa saudara sebelah bapa).
- viii. Anak lelaki adik beradik lelaki bapa (sepupu lelaki pihak bapa).
- ix. Hakim (raja, kadhi, naib kadhi atau imam).

Kepada susunan kerabat-kerabat itu satu kekecualian yang kerap dilakukan di kalangan masyarakat Melayu di luar lingkungan matrilineal ialah perkahwinan antara sepupu selari (parallel cousin) pihak bapa. ¹²

(b) Orang-orang yang diharamkan kahwin untuk sementara waktu bagi lelaki.

Orang-orang itu ialah:-

- i. Perempuan yang berada dalam status kahwin.
- ii. Perempuan di dalam edah ¹³ kerana ditalak tiga; kerana ihram; kerana hendak mengumpul dua perempuan beraudara; kerana lebih dari empat isteri; kerana bukan Islam dan bukan pula kitabiah.
- iii. Orang-orang yang diharamkan kahwin bagi lelaki mempermadukan isterinya dengan saudara perempuannya. ¹⁴

Jadi dalam soal perbatasan jodoh perkahwinan itu adat dan agama adalah penting sebagai batasan-batasan kerabat-kerabat yang tergolong kepada yang boleh dan tidak boleh dikahwini. Larangan berkahwin yang diletakkan oleh adat antara orang-orang sewaris atau se-suku dan oleh agama bagi muhrim dan wali.

²² Zainal Kling, op. cit., hal. 193 - 194.

¹³ Masa edah ialah tiga kali datang haid, jika putus haid masa edahnya tiga bulan cukup, kalau suami meninggal masa edahnya empat bulan sepuluh hari.

¹⁴ Sia Wee Teng, op. cit., hal. 25.

2.4 Corak penjadohan.

Dalam Adat Perpatih, jurai keturunan berbentuk unilineal iaitu disusun galur hanya kepada suatu pihak sahaja. Ianya adalah bersifat matrilineal di mana keturunan seseorang itu disusun mengikut nisab ibu atau masuk ke dalam suku ibu.

Kerap kali di dalam masyarakat sedemikian rupa (nisab ibu) corak perkahwinan yang dikaitkan bersamanya ialah "corak cross-cousin marriage dan selalunya perkahwinan yang diinginkan sekali ialah antara ego dengan anak bapa saudara sebelah ibu atau anak kemulahnya. Berkaitan rapat dengan corak ini ialah perkahwinan dengan saudara dekat dan juga perkahwinan dengan orang sekampung." ¹⁵

Kita dapat perhatikan di dalam masyarakat Adat Perpatih, perkahwinan keluarga dekat atau dengan saudara dekat sama ada dari pihak isteri atau suami selalu berlaku jikalau keluarga itu ramai anggota-anggotanya. Hal ini ada kaitan dengan fungsi dan kepentingannya pada anggota keluarga itu sendiri, terutama jika seorang lelaki mengambil anak saudaranya sebelah ibu untuk dikahwinkan dengan anaknya ataupun dengan pihak perempuannya.

Fungsi utama dari perkahwinan keluarga dekat ini ialah sebagai menggantikan si suami sebagai pemilik harta yang akan diturunkan nanti. Oleh kerana menantu juga adalah anak buahnya segala harta yang diturunkan adalah juga di dapati oleh anak buahnya.

Satu fungsi lain yang penting juga ialah keperluan seseorang suami menekankan kuasanya di dalam rumah tangga ke atas anak

¹⁵ Zainal Kling, op. cit., hal. 203.

dan menantunya. Kerana hubungan darah yang ada antara bapa mertua dan menantu lelaki itu. Oleh itu bapa mertua dan menantunya adalah sebagai orang semenda kepada keluarga isterinya, dapat saling harap mengharapi pertolongan jika berlaku ketegangan antara orang semenda dan orang tempat semenda.

Begitu juga dengan perkahwinan sekampung. Ada kepentingan-kepentingan tertentu. Dan kita kerap mendengar dari ahli-ahli masyarakat Adat Perpatih menasihatkan seseorang lelaki bujang yang bekerja di luar kampung seperti di bandar supaya berkahwin dengan gadis-gadis sekampung. Di kalangan keluarga pula seboleh-bolehnya mahu melihat anak-anak mereka berkahwin di kampung juga. Ini disebabkan seorang ibu mempunyai hubungan rapat dengan anaknya, mahu anak itu sentiasa hampir dengannya. Percakapan yang selalu dikeluarkan ialah "Kalau sakit pening atau kemalangan dapat juga dijengok-jengok." Perasaan yang diucapkan itu menyatakan bahawa hubungan antara anak dan ibu adalah hubungan yang rapat sekali.¹⁶

Seorang ego lelaki berkahwin dengan seorang perempuan yang di luar sukunya. Ego tadi dikenali sebagai 'orang semenda' dan orang-orang di suku isterinya dikenali sebagai 'orang tempat semenda'. Dalam masyarakat nisab ibu mengibaratkan 'orang semenda' itu sebagai orang luar di tempat orang lain. Maka si ibu dapat merasakan bahawa mungkin anaknya akan dibiarkan oleh isterinya atau dikuasai oleh isterinya. Jadi jikalau anak itu berkahwin di kampung dapat juga si ibu atau anggota keluarganya yang lain menjengok dan menolongnya se-

¹⁶ Ibid, hal. 205.

kira isterinya membiarkannya.

Menurut Zainal Kling, sebenarnya keinginan supaya orang berkahwin di kampung sendiri adalah "satu keinginan yang berkait rapat dengan sistem masyarakat nisab ibu bahawa tiap-tiap perempuan adalah bakal menyambung zuriat dan bakal menambah dan memulakan tunan di dalam perut. Seseorang lelaki pula adalah kemulah atau bapa saudara kepada anak-anak saudaranya (anak adik beradik perempuan). Jadi sistem masyarakat itu memerlukan supaya anggota-anggota perempuan dan lelaki sentiasa tinggal di kampung kerana tanpa anak perempuan segala harta dan pusaka tidak dapat diturunkan dan anggota baru tidak dapat diadakan. Akhirnya keluarga itu akan hilang, dan tanpa anak lelaki pula perkahwinan anak saudaranya akan sukar dijalankan. Walaupun perkahwinan itu dapat dijalankan oleh kemulah-kemulah tua dan muda namun kemulahlah yang sebenarnya dapat menjalankan hukum denda kepada saudara perempuan jika dia tidak dipanggil." ¹⁷

Di samping itu kekurangan lelaki di dalam satu-satu suku akan menyukarkan suku itu menurunkan pesaka suku seperti jawatan lembaga atau buapak. Orang-orang yang dapat menyandang jawatan pesaka ini adalah orang-orang yang tahu adat istiadat dan kenal setiap anak buahnya atau anggota sukunya. Jika seseorang lelaki tidak tinggal di kampung maka tentu dia tidak dapat memegang jawatan itu.

Walaupun corak penjodohan seperti itu adalah corak yang di-

¹⁷ Hukuman yang selalu dikenakan oleh kemulah atau bapa saudara terhadap anak buahnya adalah mengikut sesuka hatinya seperti membayar \$7.20¢ ataupun apa sahaja yang dikehendaki, atau tiada bayaran apa-apa tetapi menyembah kepadanya meminta maaf, ini dikatakan juga 'kufur tobat', 'salah menyembah'. Sila lihat Ibid, hal. 206.

ingini namun bidang penjadohan telah meluas daripada hanya di dalam lingkungan family nuklear ataupun sekampung. Dari penjadohan perkahwinan yang berlaku sejak akhir-akhir ini seolah-olah dapat diperhatikan bahawa lebih banyak anak-anak muda yang bekerja di bandar berkahwin dengan orang-orang yang di luar kampung sendiri. Sebaliknya lebih ramai orang lelaki luar yang masuk berkahwin di sana dengan tidak dikedimkan.

Seorang bapa saudara tidak dapat memaksa anak buahnya berkahwin dengan anaknya ataupun sebaliknya anak buah itu tidak perlu merasa nesti mengambil sepupu sebagai isteri. Hubungan istimewa antara anak buah dengan bapa saudara kedim tiada sekuat dahulu lagi dimana anak buah perlu menurut kehendak bapa saudara kedim itu. Malah bidang peajodohan itu sudah terbuka sehingga anak-anak lelaki yang terus berpindah di luar kampung sendiri.

Kemerusutan kuasa bapa saudara ke atas anak buahnya disebabkan bertambahnya kuasa bapa dalam rumah tangganya sebagai orang yang bertanggung jawab terhadap isteri dan anak-anaknya di dalam semua hal. Seorang bapa saudara pula sibuk dengan tanggung jawab didalam rumah tangganya maka dia tidak dapat bertanggung jawab dalam soal sara hidup adik beradik perempuan dan anak buahnya. Justru itu kuasa bapa menjadi kuat dan mengurangkan kuasa bapa saudara kedim.

Perkembangan pelajaran dan pembukaan peluang yang lebih luas untuk kerja. Pelajaran yang sedikit membawa ramai anak muda ke bandar untuk bekerja sebagai buruh. Zediaman yang jauh dari kampung dan pertembungan dengan suasana yang baru banyak melemahkan kuasa bapa saudara kedim itu. Sebaliknya memberi anak buah itu kuasa

dan hak menentukan kehendak sendiri.¹⁸

¹⁸Ibid, hal. 208.

BIBLIOGRAFI

A. Buku:

1. Abdullah Siddik. Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.
2. Djamour, Judith. Malay Kinship and Marriage in Singapore. New York: University of London, Humanities Press, Inc., 1966.
3. Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976.


B. Rencana/kertaskerja:

1. Abas Haji Ali. "Sebahagian dari Dasar Adat", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
2. Abdullah Siddik. "Adat dan Modernisasi", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
3. Aliyah. "Rahsia Mak Andam menjadikan Pengantin Berseri di Pelamin" dalam Keluarga, Keluaran 21, Disember, 1977.
4. Hashim Abdul Ghani. "Kata-Kata Perbilangan dan Tafsirannya", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
5. Idris Haji Tain. "Beberapa Konsep Penting dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
6. Mansor Haji Jamaluddin. "Konsep Harta di dalam Sistem Adat Perpatih", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
7. Md. Sharif Fakeh Hassan. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

8. Mohd. Dahlan Mansoer. "Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
9. Mohd. Rais Yatim. "Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law dan Equity - Satu Analisa Perbandingan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

C. Latihan Ilmiah:

1. Shamsiah Abdul Rahim. Bahasa Perbilangan dalam Istiadat Perkahwinan, dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Satu Contoh. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/75.
2. Sia Wee Teng. Adat Istiadat Perkahwinan Orang-Orang Melayu Kelantan. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.
3. Zainal Kling. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utata. Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1969.



LAMPIRAN (11)

SURAT NIKAH/KAHWIN

№ 02263



نکری میلن

اوندغ ۲ مئند بیران حکوم شروع تاشون ۱۹۶۰

(بیلان 15 تعاون 60)

صورت کنراغن نکاح

[۵ (۲)]

بہو امن... جعفر الہی... بن حبیب...
(کارڈ فٹنہ امن نیو 455098) ندا، دعتدکن نکاحن دشمن

حدائق کوثر
(کارڈ فنانس نمبر 3793.1.3) د. تیسویں ایڈیشن

فد 7 ماربولن 9 19 برسان دغن

2. ... هاربولن ... سخپار ... 13. ... دغن مكنوين ...


سابقہ ۱۴/۱۵ رگیت شوتی / توفی

بیاران دگناکن \$ 3 00

نرتولیس د شېار اخیستی دسره کتنیږي

19-74-16 هاريولن فد

برستان هادیچولن ۱۳



دایره / ولایت / ...

LAMPIRAN (111)

SURAT IZIN PEREMPUAN KEPADA WALINYA

اذين دان وکاله

اداله ساي... بسپړي... بخت... د...
مفادينکن کفد... د... بن...
فکته... با... کفد ساي قد منکاحکن ديري ساي دغن
... بن...
دغن مسکھوين... 25/... توني/صفت دان ساي...
بن... مسکھوين بروکيل کفد...
بن... باکي معقدکن نکاح... ساي نامن
... بن... يقدارا/بجيد
دغن... بن... دغن مسکھوين
يقتربوت داتس اين. مک اذين دان وکاله يقتربوت داتس اين تله
برلاکو دهادن دوا اورغ سقي يقتربوت نامن قد فصل 4 دسبله اين.

تندا تاغن يضاادينکن...
تندا تاغن يثبروکيل...
تندا تاغن سقي 2...


.....1
.....2

LAMPIRAN (iv)

SURAT TAKLIK

15. لفظ تعلیق دمکین:

منکل ساي تيفکلکن استري ساي..... ديسی. بر. جانی. بنت..... سلاما
4 بولن اتو لبه دغن سخاج اتو فقسا اتو ساي اتو وکیل ساي تیلاد ممبري نفقه کفدان سیلاما ماس یقترسبوت قد حال اي
طاعتکن ساي اتو ساي ملاکوکن مبارغ مضرت کفد توبه بدائن، اتو کحرمتمنن اتو هرت بندان کمدين اي مفادو کفد قاضي
دان منکل نابیت ادوانن دسیسی قاضي اتو فقادیل محکمه شرعیه اتو جماعه فقادیلن محکمه جواتنکواس اولفیچارا دان اي
ممبري کفد قاضي باکی فیهیق ساي سبایق 51، مک قد کنیک ایت ترطلاقله اي دغن ساتو طلاق خلعي.




تندا تاغن یقبر تعلیق

Bayaran Perumahan : 4/

Rent RM 420/15. 4. 99.


DIJAHKAN BENAR

LAMPIRAN (va)




1. Pelamin adalah tempat persandingan pengantin.

LAMPIRAN (vb)



2. Penyerahan tepak sirih oleh orang semenda kepada buapak pihak lelaki.

LAMPIRAN (vc)



3. Orang semenda dengan orang-orang pihak lelaki
makan sirih di rumah persinggahan pihak lelaki.

LAMPIRAN (vd)




4. Barang-barang hantaran (tepak sirih, 'belanja hangus' dan barang-barang iringan) yang digubah dalam berbagai bentuk.

LAMPIRAN (ve)




5. Istiadat Akad Nikah: wali atau wakil wali bersalam dengan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vf)




6. Perarakkan di Malam Berinai Besar: kedua-dua pengantin yang berpakaian tradisional dijulang oleh empat orang anggota masyarakat Adat Perpatih.

LAMPIRAN (v g)



7. Perarakkan di Hari Lansung: kedua-dua pengantin disandingkan di halaman hadapan rumah, bagi tuntunan para jemputan.

LAMPIRAN (vh)



8. Pengantin perempuan yang diarak cara julang dengan diiringi rebana menuju ke rumah persinggahan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vi)



9. Istiadat Suap-Suap; Mak andam dan pengantin perempuan menyuap mulut ke mulut pengantin lelaki. Tetapi ditahan oleh pak andam dan pengantin lelaki. Perbuatan itu dilakukan sambil berjenaka.

LAMPIRAN (v.j)



10. Istiadat Padam Lilin: Kedua-dua pengantin serentak menghembus api lilin itu hingga padam.